



# Ekspo Inovasi Islam di Stadium Tertutup Nilai

**Nilai:** Ekspo Inovasi Islam ke-4 2013 (i-Inova'13) yang bakal berlangsung selama tiga hari bermula esok menjanjikan kelainan dengan pengisian padat dan menarik kepada pengunjung tahun ini.

Dengan aktiviti berfokus inovasi Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selaku penganjur bersama Akademi Sains Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yakin mampu menarik lebih ramai pengunjung dalam ekspo kali ini.

Berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, penganjuran i-Inova'13 bertujuan menggalakkan penciptaan produk inovasi Islam dalam kala-

ngan penyelidik institusi pengajian tinggi (IPT) bagi memenuhi keperluan persekitaran dan teknologi terkini.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata ekspo turut menjadi pentas memperkenalkan inovasi Islam selain memberi peluang kepada masyarakat memahami dan memanfaatkan inovasi berkenaan.

Katanya, ekspo juga diharapkan mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan produk inovasi Islam, sekali gus menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan penyelidik serta pelajar untuk menyumbang ke arah pembangunan ummah.

## Inovasi khusus

"Antara yang menarik kali ini ialah pameran inovasi khusus untuk orang kelainan upaya (OKU) yang sebelum ini jarang diketengahkan penyelidik selain karnival dan bengkel OKU yang memberikan peluang kepada orang awam mendekati dan bermesra dengan golongan itu.

"Kita mengalu-alukan kehadiran golongan OKU dalam pameran dan karnival ini bagi melihat dan mencuba sendiri produk yang dihasilkan," katanya.

Beliau berkata, turut diadakan ialah Seminar Kreativiti dan Inovasi yang menyaksikan pelbagai kertas kerja dibentangkan merangkumi

pelbagai topik berkaitan inovasi Islam oleh pembentang tempatan dan luar negara.

Sepanjang ekspo, katanya, pelbagai inovasi mengikut tema seperti sains gunaan dan tulen, teknologi dan kejuruteraan, sains kesihatan, sains alam dan warisan, ICT serta seni dan aplikasi seni akan dipamerkan kepada pengunjung.

Majlis perasmian i-Inova'13 akan disempurnakan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga Canselor USIM pada 26 Oktober ini, manakala penutup oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, keesokannya.



**Kita mengalu-alukan kehadiran golongan OKU dalam pameran dan karnival ini"**

**Asma Ismail,**  
Naib Canselor USIM